

MCA tetap tentang hudud di Kelantan walaupun BN sanggup berunding
Malaysian Insider
Mei 3, 2014
Oleh Eileen Ng

MCA menegaskan akan tetap dengan pendirian menentang hasrat PAS melaksanakan hudud di Kelantan meskipun kerajaan Barisan Nasional (BN) mengumumkan satu jawatankuasa bersama dengan parti Islam itu dalam menggariskan perundangan Islam.

"Apapun yang dibangkitkan, segala tindakan hanya akan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan di mana ia menjadi pegangan kita," kata Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai kepada pemberita, selepas merasmikan kempen "Teguh Bersama" menyasarkan kebangkitan parti komponen BN itu.

Dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu, MCA hanya memenangi tujuh kerusi Parlimen dan 11 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Parti Cina itu kemudiannya memutuskan untuk tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan.

Bagaimanapun keputusan itu mula berubah apabila MCA mengadakan mesyuarat agung luar biasa bagi mendapatkan sokongan ahli-ahlinya untuk menerima jawatan kerajaan.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom mengumumkan penubuhan jawatankuasa teknikal peringkat pusat dalam masa terdekat bagi mengkaji pelaksanaan undang-undang Syariah, yang disertai PAS, Putrajaya dan kerajaan negeri Kelantan.

Jamil Khir berkata jawatankuasa itu menyasarkan pelaksanaan lancar bagi undang-undang tersebut, disamping mengambil kira kebijaksanaan dan keadilan bagi masyarakat Islam selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam reaksinya, Liow berkata MCA turut akan menubuhkan pasukan sendiri untuk mengkaji segala aspek tentang hudud, akan tetapi ia tidak didedahkan secara terperinci olehnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Liow berkata parti Cina itu menentang pelaksanaan hudud kerana negara ini tidak boleh mempunyai dua sistem perundangan.

Beliau berkata ini tidak bermaksud parti itu menentang Islam namun hanya tidak bersetuju dengan rancangan PAS yang jelas bercanggah dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan.

"MCA akan mempertahankan keharmonian antara kaum. Kami tidak bersetuju dengan rancangan PAS kerana ia akan menimbulkan kesangsian dan ketidakpercayaan antara kaum.

"Saya menekankan bahawa MCA memegang teguh kesederhanaan dan sekularisme dalam pentadbiran negara ini di mana masyarakat bukan Islam bebas menganut apa sahaja agama kepercayaan mereka," katanya.

Dalam isu hudud, MCA dilihat mempunyai pendirian sama dengan musuh mereka DAP yang sejak dahulu menentang rancangan PAS melaksanakan hudud, khususnya mendiang Karpal Sing yang mengatakan ianya bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan kepentingan negara.

Isu pelaksanaan hudud mendapat perhatian umum kembali apabila PAS mengumumkan akan mengusulkan dua rang undang-undang persendirian di Parlimen bagi membolehkan hudud dikuatkuasakan.

Isu pelaksanaan hudud semakin tegang apabila berlakunya percanggahan pendapat antara Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah dan Setiausaha Pengelola DAP, Anthony Loke.

Mohd Amar memberitahu rakan sekutu Pakatan Rakyat (PR) itu mereka tidak mempunyai hak mencampuri urusan pelaksanaan hudud di Kelantan, manakala Loke dalam reaksinya menyarankan PAS keluar dari PR sekiranya tetap dengan keputusan itu.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim pula menyatakan meminta sedikit masa bagi PR membincangkan isu tersebut dalam mesyuarat pimpinan tertinggi gabungan pembangkang itu. – 3 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-tetap-tentang-hudud-di-kelantan-walaupun-bn-sanggup-berunding>